



Dr Mahathir bersama Nadzim (dua dari kiri) pada Program Hentian Sekatan Bantuan Kemanusiaan Ke Gaza di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Perang Palestin-Israel

Henti jual minyak kepada Israel, sekutu

Tun M gesa negara Islam beri tekanan Zionis henti serang Gaza

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Putrajaya: Semua negara Islam, khususnya pengeluar utama minyak dan gas digesa menghentikan penjualan bekalan itu bukan sahaja kepada Israel, malah kepada negara yang menyokong rejim terbabit, terutama Amerika Syarikat (AS) dan Eropah.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata usaha itu penting bagi memberi tekanan kepada negara berkenaan untuk menghentikan serangan Israel ke atas Palestin yang kini berdepan isu pembunuhan beramai-ramai.

Katanya, kini bukan lagi masa untuk mengutuk dan me-

ngecam jenayah yang dilakukan rejim Zionis, sebaliknya tindakan fizikal perlu diambil untuk menghentikan kekejaman ke atas rakyat Palestin.

"Sebenarnya kita juga boleh melakukan sekatan ke atas negara seperti AS menerusi boikot beberapa produk yang sedang berlaku di kebanyakan negara, termasuk di Malaysia.

"Saya melihat lebih banyak yang boleh dilakukan sebagai contoh, Allah SWT mengurniakan banyak minyak kepada negara Islam dan kita boleh menafikan bekalan minyak dan gas kepada negara yang menyokong Israel seperti AS dan Eropah.

"Ini supaya mereka juga merasakan tekanan seperti yang dirasakan rakyat Palestin serta negara yang mereka (AS) cuba melaksanakan sekatan," katanya pada sidang media menggesa supaya menghentikan sekatan bantuan kemanusiaan dunia ke Gaza di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam

Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan; Presiden Muslim Care Malaysia (MCM), Zulkifli Wahijan dan Presiden Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), Mohd Azmi Abdul Hamid.

Boikot produk Israel

Dr Mahathir berkata, penduduk dunia yang tidak menyokong tindakan ganas Israel perlu terus melakukan boikot produk yang mempunyai kaitan dengan rejim terbabit.

Dalam pada itu, beliau menggesa Mesir supaya membenarkan wanita dan kanak-kanak Palestin mendapatkan perlindungan di sempadan negara itu.

Bagaimanapun, katanya, lelaki Palestin perlu terus berada di negara mereka untuk mempertahankan tanah air daripada terus dijajah Israel.

"Saya terkilan kerana kebanyakan negara berjiran dengan Gaza enggan menerima pelarian Gaza. Saya berpendapat ia tidak adil dan tidak berperikemanusiaan," katanya.